

KEBERSIHAN DAN KECERIAAN MENURUT PERSPEKTIF PENDIDIKAN ISLAM

**PROF. DATO' DR. AB HALIM BIN TAMURI
REKTOR
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR**

PENDAHULUAN

Umumnya, pendidikan merupakan satu proses yang berterusan untuk membangun diri murid-murid atau pelajar-pelajar menjadi manusia yang mempunyai dan mengamalkan ciri-ciri manusia yang bagi melaksanakan amanah sebagai khalifatullah di muka bumi ini. Dalam konteks pendidikan negeri Selangor, Integrated Holistic Education System IHES telah diterima sebagai satu sistem yang sedang digunakan dalam amalan pendidikan di JAIS pada asasnya HES mampu dimanfaatkan untuk menjana generasi Al Quran di negeri ini jika dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Kini Fasa Ke-2 IHES memberikan penekanan kepada aspek pembentukan dan pengembangan. Pelaksanaannya diaplikasikan melalui kursus dan bengkel strategik serta pelaksanaan amalan IHES di sekolah yang mana kesemua bahan-bahan IHES akan didokumentasikan merangkumi dokumen pembangunan potensi manusia, kurikulum, ko kurikulum dan standard kemenjadian murid dan guru. Dua aspek penting iaitu kemenjadian murid dan guru merupakan dua aspek yang perlu dijadikan tumpuan dalam pelaksanaan IHES. Penghasilan murid dan guru yang mempunyai akhlak mulia serta dapat melaksanakan tugas dan tanggung jawab sebaiknya perlu diberikan tumpuan. Aspek manusia yang integrated dan holistik memberikan penekanan kepada setiap aspek kehidupan manusia. Dalam konteks sekolah, salah satu elemen penting yang perlu diberikan oleh semua sekolah ialah elemen kebersihan dan keceriaan. Elemen ini ialah satu indikator utama dalam kemenjadian murid-murid dan juga guru-guru.

KEBERSIHAN DAN KECERIAAN PENDIDIKAN

Secara ringkas kebersihan secara fizikal memberikan maksud satu keadaan yang bebas drpd pencemaran udara, tidak mengandungi unsur-unsur yang boleh merosakkan atau mengganggu kesihatan. Manakala bersih daripada sudut dalaman

pula sering dihuraikan satu keadaan yang mana seorang itu mempunyai hati jujur dan ikhlas dan dia juga bebas daripada amalan tidak baik dan penyelewengan. Keceriaan pula dapat difaham sebagai keadaan atau suasana yang ceria, bersih, cantik, riang, gembira dan menarik. Dalam konteks pendidikan, elemen kebersihan dan keceriaan adalah perkara yang sangat diberikan perhatian kerana salah satu indikator yang dilihat dan dinilai oleh masyarakat ialah adakah murid-murid mengamalkan ciri-ciri ini dalam kehidupan seharian mereka. Sebagai contoh SK Indersabah, sekolah ini telah mengadakan Program Pertandingan Kebersihan Dan Keceriaan Kelas (<https://www.scribd.com/document/363261132/Documents-Kertas-Kerja-Program-Pertandingan-Kebersihan-Dan-Keceriaan-Kelas>). Tujuan utama program ini ialah:

- i. Mewujudkan bilik darjah yang bersih dan ceria.
- ii. Membina kreativiti pelajar dalam melahirkan idea untuk mewujudkan kelas bersih dan ceria.
- iii. Memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar seperti bekerjasama, hormat- menghormati, menghargai dan tolong-menolong.
- iv. Menyemai perasaan sayang kepada bilik darjah dan menyumbang kepada pengurusan dan kebersihan bilik tersebut.
- v. Membentuk perlakuan lazim yang sentiasa mengutamakan kebersihan

Malah, diperingkat kebangsaan pula, Program 3K (Keselamatan, Kesihatan Dan Keceriaan) dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan Bahagian Pengurusan Sekolah Harian dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan Program 3K ini. Antara tujuan utama ialah mewujudkan polisi kebersihan dan kepimpinan yang berkaitan dengan pengurusan kebersihan murid, melaksanakan pemeriksaan, pemantauan dan penilaian kebersihan murid dan sekolah, dan mewujudkan serta melaksanakan manual penjagaan kebersihan murid dan program kebersihan sekolah. Berapa cadangan pelaksanaan aktiviti dikemukakan iaitu: Beberapa program-program kebersihan dilaksanakan seperti:

- Program Penjagaan Gigi dan Mulut
- Program Bebas Kutu
- Program Cuci Tangan
- Program Penjagaan Kuku

- Program Kemas Diri
- Program Membasmi Kudis Buta

Selain daripada program di atas, berapa bentuk pertandingan juga diadakan seperti Pertandingan Kebersihan, Pertandingan landskap, Pertandingan Kantin, Pertandingan Angkat Kelas, Pertandingan Melukis dan Mewarna, Pertandingan Kuiz, Pidato dan Bahas dan Pameran. Terdapat juga program-program lain seperti Program Bebas Denggi, menyediakan sudut keceriaan dan sekolah Kawasan Larangan Merokok. (<https://www.malaysia.gov.my/public/cms/article/page/70/>). Kesemua program-program kebersihan dan keceriaan ini akan memberikan impak yang besar dalam pembangunan dan kemenjadian murid-murid kerana elemen ini akan dinilai secara langsung oleh masyarakat. Sekolah ialah tempat murid-murid belajar dan menimba ilmu setiap hari malah mereka lebih banyak menggunakan masa mereka di sekolah terutama mereka yang tinggal di asrama. Maka, persekitaran kawasan sekolah yang kondusif dan baik akan mempengaruhi murid-murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Aktiviti yang berasaskan kurikulum dan ko-kurikulum banyak dilaksanakan di persekitaran sekolah. Mereka menuntut ilmu dan menelaah pelajaran sepanjang mereka berada di sekolah. Pentadbir, guru, ibubapa seharusnya secara bersama menjaga kebersihan dan keindahan sekolah. Semuan guru dan murid akan berasa gembira jika kebersihan dan keceriaan sekolah dijaga dengan sebaiknya.

Kerjasama semua warga sekolah, PIBG, ibubapa dan masyarakat perlu mengaturkan program yang efektif menceriakan kawasan sekolah serta dapat menjaga kebersihan persekitaran sekolah. Sekolah yang bersih dan ceria memberi pandangan yang positif kepada guru-guru, pelajar dan keluarga serta masyarakat, imej ini melambangkan perasaan rasa yang tinggi dikalangan warga sekolah dan ibubapa yang secara langsung meningkat mutu pendidikan. Iklim sekolah yang bersih, ceria dan selesa dapat membangun motivasi setiap warga kepada pembangunan sekolah yang lebih cemerlang. Matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani emosi, rohani dan intelek akan tercapai. Dengan perkataan kebersihan dan keceriaan sebuah sekolah ini dikaitkan dengan konsep iklim sekolah yang positif dan berkesan.

PERSPEKTIF PENDIDIKAN ISLAM TERHADAP KEBERSIHAN DAN KECERIAAN

Isu kebersihan dan keceriaan merupakan satu elemen yang penting dalam konteks pendidikan kerana ianya berkaitan dengan hubungan dengan Islam sebagai satu cara hidup yang sempurna. Elemen kebersihan dan keceriaan tidak hanya berkaitan soal fizikal tetapi mempunyai aspek dalaman dan kerohanian. Terdapat beberapa perkara penting yang perlu diberikan perhatian dalam melaksanakan program kebersihan dan keceriaan khususnya dalam konteks sekolah dan persekitarannya.

Pertama: Pembentukan kedua-dua elemen ini dapat dihubungkan dengan pembangunan iklim persekolahan yang berteraskan keagamaan dan boleh disitilahkan sebagai “Iklim Dini” merangkumi aspek fizikal dan spiritual. Iklim keagamaan atau ‘dini’ yang boleh dianggap sebagai satu sistem pendidikan yang sepatut wujud dengan kukuh di sekolah-sekolah terutamanya di sekolah yang beraliran agama.

Asasnya, iklim ‘dini’ adalah berteraskan sistem pendidikan Islam dan malah murid-murid dari sekolah-sekolah beraliran agama menjadi fokus utama masyarakat dan setiap perlakuan warganya akan dinilai oleh mereka. Pada masa kini, sekolah-sekolah agama secara keseluruhannya cuba melaksanakan iklim dini yang berteraskan pendidikan Islam dan dijadikan sebagai satu sistem pendidikan. Namun, daripada aspek pelaksanaannya, masih terdapat perbezaan disamping kekuatan dan juga kelemahan yang dikenal pasti. Isu kebersihan dan keceriaan adalah sebahagian daripada konsep “iklim dini” yang berasaskan kepada prinsip dan asas ajaran Islam yang sempurna. “Iklim dini” perlu dibangunkan agar persekitaran sekolah termasuk aspek kebersihan dan keceriaan diasaskan kepada nilai dan ajaran Islam.

“Iklim dini” dalam konteks ini bukan sahaja terbatas kepada amalan dan kebiasaan seseorang murid atau warga sekolah yang mengamalkan dan mempraktikkan ajaran Islam dalam kehidupan harian. Konsep ini perlu diluaskan kepada satu bidang yang praktikal berkaitan dengan penghayatan akhlak mulia melalui suasana persekitaran yang positif. Disamping suasana dan kesedaran beragama yang diwujudkan melalui penganjuran program dakwah seperti Israk Mikraj, Maulidur Rasul, Ihya' Ramadan, isu persekitaran yang bersih dan ceria perlu diberikan perhatian oleh semua warga sekolah. Program yang terlibat aspek praktikal selain daripada ibadah perlu dilakukan sendiri oleh warga sekolah dalam membangun dan

membudayakan “iklim dini”. Poster, papan tanda doa, tazkirah, selawat dan akhlak yang berkaitan kehidupan dan budaya Islam perlu diwujudkan agar suasana sekolah yang ceria daripada sudut fizikal dan spiritual.

Suasana harmoni akan menceriakan hubungan sesama warga sekolah yang menjadi komponen pelengkap kepada keceriaan fizikal. Kebersihan sekolah juga dilengkapi dengan kebersihan jiwa melalui kempen kesedaran menutup aurat, senyum dan salam dan silaturahim. Program merentas bidang dan kurikulum perlu dijadikan satu budaya sekolah khususnya berkaitan dengan aspek kebersihan dan keceriaan. Pasti warga sekolah akan merasa tidak selesa dan tenang apabila persekitaran sekolah yang selalu kotor, mempunyai pemandangan yang membosankan dan tidak menarik, mempunyai bau tidak menyenangkan. Sebagai warga sekolah, menjadi kewajiban untuk menjaga kebersihan kelas, papan putih, meja guru, dinding, meja, kerusi, kipas angin, lampu, tingkap dan pintu bilik darjah. Setiap kelas harus selalu dibersihkan setiap hari agar sentiasa bersih dan ceria. Tugas ini bukan sahaja pembantu sekolah, tetapi menjadi tanggung jawab seluruh warga sekolah dan juga ibu bapa.

Persekitaran yang bersih dan ceria akan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan baik dan tanpa gangguan. Malah dalam Islam, ini akan menjadikan semua warga dapat menghubungkan aspek kehidupan seharian di sekolah dengan ibadah dan ini mempunyai perkaitan dengan keyakinan terhadap kekuasaan Allah SWT sebagai pencipta yang akan menilai seluruh aspek kehidupan mereka.

Kedua: Islam sangat memberikan aspek kebersihan dalam kehidupan seharian sebagai manusia. Islam mensyaratkan setiap orang Islam mengambil wuduk sebelum menunaikan solat fardu merupakan satu bentuk jasmani bagaimana manusia perlu menyucikan diri sebelum beribadat kepada Allah swt. Jadi, bila wudu itu dilakukan dengan baik dan sempurna, maka anggota utama wuduk iaitu bahagian kepala serta muka, tangan dan kaki akan sentiasa bersih daripada sudut fizikalnya. Daripada sudut kerohanian pula, anggota yang dibasuh ketika berwuduk mengandungi isyarat kebersihan dalaman hati manusia yang tidak kotor dan suci daripada sifat-sifat mazmumah seperti sombong, fitnah, khianat dan melakukan perkara-perkara keji.

Dalam aspek lain, Islam mensyariat untuk melakukan mandi wajib untuk menyucikan diri daripada hadas besar yang mana ianya menunjukkan Islam sangat mengambil aspek kebersihan dalam kehidupan manusia. Istinjaq juga adalah satu kaedah yang perlu diikuti apabila mahu membersihkan diri daripada najis. Begitu juga pembahagian air kepada beberapa kategori serta pengkelasan jenis-jenis najis merupakan satu cara dalam fiqh bagaimana Islam memberikan perhatian yang sangat serius terhadap aspek penjagaan kebersihan dalam kehidupan. Dalam masalah bersuci dari hadas dan najis, Islam sangat menekankan penting air yang suci untuk membersihkan berbagai kekotoran yang ada di tubuh dan pakaian kita, Oleh sebab itu Islam menetapkan untuk selalu menggunakan air yang suci lagi menyucikan dalam bersuci. Allah SWT berfirman (Al-Furqan: 48):

طهّورا ماء السماء من وأنزلنا

Bermaksud: Dan Kami turunkan dari langit itu air yang suci,

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT menyatakan air hujan itu suci supaya kita dapat menggunakannya dalam menyucikan diri untuk menjaga kebersihan diri.

Selain itu, adab-adab ketika masuk ke dalam tandas juga diberikan fokus dalam pendidikan Islam perhatian kerana pengurusan kebersihan adalah salah satu perkara yang penting. Ini menunjukkan pendidikan dalam menjaga kebersihan perlu disusun sebaik agar imej kebersihan dan keceriaan umat menjadi contoh kepada masyarakat keseluruhannya. Malah, kegagalan masyarakat memahami keperluan untuk menjaga kebersihan dalam kehidupan seharian menjadikan imej Islam sebagai agama yang syumul dan sempurna tidak tercapai sepenuhnya. Maka kebersihan dan keceriaan dalam persekitaran kehidupan manusia diberikan perhatian dalam sistem pengurusan dan pembangunan ekosistem yang berteraskan Islam.

Ketiga: Islam sangat menekan aspek kehidupan yang bersih dan dinyatakan dengan jelas Al-Qur'an (Al-Baqarah: :222):

الْمُتَطَهِّرِينَ وَبِحُبِّ التَّوَّابِينَ يُحِبُّ اللَّهُ إِنَّ

Bermaksud: “.....Sesungguhnya Allah mencintai orang-orang yang bertaubat dan orang-orang yang suci”.

Ayat menjelaskan bahawa Islam mengajarkan kepada umatnya untuk hidup bersih, sihat tubuh badan dan termasuk juga pakaian serta mempunyai jiwa yang bersih. Orang yang mempunyai jiwa yang bersih akan mengungkap kata-kata yang baik dan bermakna serta memberi manfaat kepada orang. Sifat-sifat mazmumah seperti dengki, iri hati, nifak, angkuh, takabbur dan sombong akan dijauhi oleh mereka. Amal kebaikan yang dilakukan akan menjadi panduan disebabkan rasa ikhlas karena Allah SWT. Dalam diri yang baik biasanya akan digambarkan melalui kebersihan fizikal yang akan menampilkan ciri keperibadian positif yang kehidupan seharian mereka. Pada asasnya, Islam yang memberikan garis panduan dalam kehidupan sehari-hari agar hidup manusia dalam keadaan bersih daripada aspek fizikal dan spiritualnya yang tergambar melalui keceriaan yang ada pada diri dan persekitaran mereka,

Keempat: Satu aspek penting yang perlu diberikan perhatian ialah Islam mengaitkan kebersihan itu dengan keimanan seseorang. Rasulullah SAW bersabda;

الإيمان شطر الطهور

Bermaksud: Suci itu adalah sebahagian daripada iman (HR. Muslim)

Dalam hadith ini menunjukkan kebersihan dan kesucian merupakan sebagian yang tidak dapat dipisahkan dari keimanan. Maka, bagi mereka yang tidak menjaga kebersihan dan kesucian telah mengenyepikan sebahagian daripada nilai-nilai keimanannya. Maka, tahap kesempurnaan iman mereka masih tidak mencapai tahap kesempurnaan dan sehingga mereka boleh dikategorikan sebagai belum termasuk sebagai orang yang betul-betul beriman, Kesan pengabaian kebersihan ini mempunyai perkaitan antara hubungan manusia dan Allah swt. Ini sebab mengapa Islam amat mementingkan kebersihan sehinggakan sebahagian daripadanya wajib dilaksanakan oleh umat Islam secara rutin. Sebagai contoh, tubuh badan umat Islam wajib dibersihkan dan setiap solat tidak dianggap sah jika ia dilakukan dalam keadaan najis masih melekat di badan. Malah, dalam kebanyakan kitab fiqh akan dimulain dengan bab taharah dan ini merupakan ilmu fardu ain yang wajib dipelajari oleh setiap orang Islam. narik untuk disebutkan bahawa salah satu ilmu yang wajib dipelajari oleh setiap Muslim. Ini menunjukkan bahawa bab bersuci ini diberikan keutamaan dan kandungannya pula membicarakan perihal agen pembersihan dan antara fokus utama ialah penggunaan air.

PENUTUP

Berdasarkan perbincangan di atas maka dapat dirumuskan bahawa aspek kebersihan dan keceriaan adalah dua aspek yang saling berkait rapat dan mempunyai kesan yang besar dalam kehidupan setiap umat Islam, Dalam sistem pendidikan, kedua-dua ini adalah aspek penting dan merupakan perkara yang melengkapkan keimanan seorang Muslim. Semua warga sekolah, ibubapa dan masyarakat perlu berkerja sama dalam merancang, mengatur dan melaksanakan program kebersihan dan keceriaan sekolah mereka. Perkara ini merupakan aspek penting dalam Islam sebagaimana Rasulullah saw menegaskan:

نَظِيفٌ إِلَّا الْجَنَّةَ لَا يَدْخُلُ فَتَنْظِفُوا فَإِنَّهُ نَظِيفٌ الْإِسْلَامُ

Bermaksud: "Islam itu agama yang bersih atau suci, hendaklah kamu menjaga kebersihan dan tidak akan masuk surga kecuali orang-orang yang suci."

Semua perintah dan suruhan dalam ajaran Islam bertujuan memastikan manusia hidup dan sejahtera di dunia dan akhirat. Ini termasuk juga isu kebersihan dan kesucian merupakan salah satu aspek yang perlu diberikan perhatian dalam sistem pendidikan kerana pendedahan, pengetahuan, pengalaman, dan pelaksanaan boleh dilakukan bersama-sama di sekolah dan disokong oleh ibu bapa dan masyarakat. Budaya menjaga kebersihan secara total dan menceriaan persekitaran perlu difahami dan dilakukan oleh semua peringkat lapisan masyarakat..Keempat-empat perkara diatas boleh dijadikan asas untuk diperluaskan bagi dijadikan satu "Dasar Kebersihan dan Keceriaan Sekolah Holistik" yang mengintegrasikan antara ajaran Islam yang syumul dan kehidupan seharian manusia.

Berdasarkan dapatan daripada cadangan guru Pendidikan Islam di atas menunjukkan komitmen padu guru terhadap usaha membina iklim pembelajaran dengan perkaedahan yang pelbagai di samping keinginan mereka mencipta pembaharuan pada amalan dan prosedur yang digunakan dalam pengajaran. Mata Pelajaran Pendidikan Islam memerlukan ubahsuai dalam usaha memudahkan pelajar menguasai dan meminatinya.